

Lelaki mengaku tidak bersalah rosakkan ATM bank

MIRI: Seorang lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret atas pertuduhan melakukan perbuatan khianat dengan merosakkan sebuah mesin juruwang automatik (ATM) milik Bank Simpanan Nasional (BSN).

Tertuduh, Yusop Ahmad, 59, dari Vista Perdana Fasa 2 di sini, didakwa mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksamaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang dua tahun dan tidak melebihi lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh didakwa melakukan perbuatan khianat dengan niat untuk menyebabkan kerosakan dengan menumbuk dan memecahkan sebuah ATM milik BSN

hingga menyebabkan kerugian sebanyak RM10,393.70 kepada bank berkenaan.

Kesalahan dilakukan tertuduh pada jam 3.42 petang, 26 April lalu di Bank Simpanan Nasional, Jalan Sri Dagang di sini.

Mahkamah kemudian menetapkan 26 Jun depan sebagai tarikh pengurusan kes dan tertuduh dibebaskan dengan jaminan RM2,000 berserta seorang penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry dan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Sandy Yvette Freddy, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.